



DASAR KUALITI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

MBPJ komited memastikan proses pengeluaran produk dan perkhidmatan bagi Pemantauan & Kawalan Pembangunan Hartanah, Pengurusan Cukai Taksiran & Kutipan, Pemantauan & Kawalan Lesen Perniagaan, Pengurusan & Penyelenggaraan Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pengurusan Tempahan Dewan, Balairaya & kompleks Sukan, Pengurusan , Balairaya & Kompleks Sukan, Pengurusan Kawalan Nyamuk dan Pengurusan Sisa Pepejal Domestik dilaksanakan dengan cekap, tepat serta berkesan bagi memenuhi keperluan pelanggan melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2015.

MBPJ komited memenuhi dan mematuhi kehendak undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

MBPJ juga memberi komitmen sepenuhnya dalam menjalankan penambahbaikan ke atas keseluruhan Sistem Pengurusan Kualiti dan memastikan objektif kualiti diguna pakai oleh semua jabatan sebagai panduan dalam melaksanakan tugas.

MBPJ telah membangunkan Objektif Kualiti berdasarkan Proses-proses yang terlibat di dalam SPK, dan Objektif tersebut di dokumenkan di dalam Prosedur yang dibangunkan

Sistem Pengurusan Kualiti akan disemak mengikut tempoh yang ditetapkan melalui Mesyuarat Semakan Pengurusan.

- i) Datuk Bandar yang mengetuai pengurusan tertinggi bertanggungjawab menggubal dasar kualiti.
- ii) Dasar ini dicapai melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti berasaskan MS ISO 9001 : 2015 yang sentiasa dipastikan sesuai dan berkesan setiap masa selaras dengan visi, misi dan objektif.
- iii) Dasar ini akan disebarikan kepada warga MBPJ dan akan dikaji semula bagi memastikan kesesuaiannya sepanjang masa.